



Global Ethics & Compliance
One World. One Code.

Ringkasan

United Technologies Corporation, termasuk setiap bahagian, unit perniagaan dan subsidiarinya, (keseluruhannya "UTC") komited kepada piawaian tertinggi etika dan tingkah laku perniagaan. Seperti yang dinyatakan dalam Kod Etika kami, pekerja UTC hendaklah mematuhi undang-undang, menunaikan komitmen mereka, berkelakuan jujur, menegakkan nilai-nilai UTC, berusaha mendahulukan kepentingan pemegang-pemegang saham, berkomunikasi dengan terbuka dan berkesan, dan bertanggungjawab.

Pembekal adalah kritikal kepada kejayaan kami, oleh itu untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang unggul secara bertanggungjawab, kami memerlukan anda memenuhi jangkaan etika dan pematuhan kami.

Kod Tingkah Laku Pembekal ini ("Kod") menyatakan jangkaan kami untuk setiap pembekal produk dan perkhidmatan kami, dan sejajar dengan jangkaan kami terhadap pengarah, pegawai, pekerja dan wakil kami. UTC faham dan menjangkakan pembekal produk dan perkhidmatan kami mempunyai kod etika dan tingkah laku dalaman mereka sendiri. Kod ini tidak dimaksudkan untuk menyenaraikan semua syarat etika dan tingkah laku perniagaan dengan lengkap yang perlu diikuti oleh pembekal.

Anda bertanggungjawab memastikan pengarah, pegawai, pekerja, wakil dan rakan niaga anda faham dan mematuhi jangkaan yang dibentangkan di dalam Kod ini.

Penafian Umum: Jangkaan yang dinyatakan dalam Kod ini tidak bertujuan untuk bercanggah dengan atau mengubahsuai terma-terma dan syarat-syarat kontrak anda dengan UTC. Jika mana-mana syarat kontrak adalah lebih ketat daripada Kod ini, anda hendaklah mematuhi keperluan kontrak yang lebih ketat. Sebagai contoh sahaja, untuk pembekal-pembekal yang menyokong Kontrak kerajaan AS, keperluan FAR 52.203-

13, Kod Etika dan Tingkah Laku Perniagaan Kontraktor, hendaklah juga terpakai.

Pematuhan Kepada Undang-undang

Sekurang-kurangnya, anda hendaklah mengekalkan pematuhan sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan operasi perniagaan anda dan hubungan anda dengan UTC.

Kualiti & Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar

Produk dan perkhidmatan anda hendaklah direka, dikeluarkan, dan dihantar dengan mengutamakan keselamatan dan kesihatan pekerja dan pengguna anda. Anda hendaklah mempunyai proses jaminan kualiti untuk mengesan, berkomunikasi kepada UTC dan membetulkan kecacatan bagi memastikan produk dan perkhidmatan yang disampaikan memenuhi atau melebihi kualiti mengikut kontrak dan juga keperluan undang-undang dan peraturan. Semua pemeriksaan dan ujian operasi yang diperlukan hendaklah dilengkapkan dengan betul oleh individu yang bertauliah dan berkelayakan sewajarnya, dan mana-mana sijil yang diperlukan hendaklah dilengkapkan dengan tepat.

Anda bukan sahaja perlu mematuhi semua undang-undang alam sekitar, undang-undang kesihatan dan keselamatan, peraturan dan arahan, tetapi juga menjalankan operasi anda dengan cara yang melindungi alam sekitar, mengurangkan sisa, pengeluaran, penggunaan tenaga, dan penggunaan bahan-bahan berbahaya. Anda juga hendaklah memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja anda dan jempunan perniagaan.

Persaingan dari segi Merit dan Keadilan

Anda hendaklah bersaing semata-mata berdasarkan merit produk dan perkhidmatan anda.



Global Ethics & Compliance
One World. One Code.

Anda tidak dibenarkan membayar rasuah dalam apa-apa amaun, kepada sesiapa sahaja, di mana-mana jua, atas apa sebab pun, sama ada bagi pihak UTC, bagi pihak anda, atau bagi pihak orang lain. Dengan itu, anda tidak boleh menawarkan, menjanjikan, mentauliahkan, atau memberi, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa nilai (termasuk hadiah perniagaan atau sumbangan) dengan niat atau kesan mendorong sesiapa sahaja (termasuk pelanggan UTC, pekerja UTC, atau pembekal peringkat tinggi atau pembekal *sub-tier*) untuk mengabaikan tugas dan memberi kelebihan perniagaan yang tidak adil kepada UTC, anda, atau orang lain. Ini termasuk bayaran pemudah (contohnya, bayaran untuk mempercepatkan atau mendapatkan tindakan kerajaan yang rutin seperti mendapatkan visa atau pelepasan kastam).

Anda tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa tingkah laku anti-persaingan atas apa sebab sekalipun, sama ada bagi pihak UTC, bagi pihak anda, atau bagi pihak orang lain. Oleh itu, anda tidak dibenarkan mempengaruhi bidaan, menetapkan harga, atau memperuntukkan pelanggan atau pasaran, atau bertukar-tukar maklumat yang amat sensitif milik UTC atau milik anda (contohnya harga, kos, output, dan lain-lain) dengan pesaing UTC atau pesaing anda. Anda juga hendaklah menahan diri daripada menyalahgunakan kuasa pasaran anda, sama ada untuk faedah anda atau untuk faedah orang lain, dengan menolak untuk berniaga, melibatkan diri dalam amalan penentuan harga atau diskriminasi yang memusnahkan pihak lain, mensyaratkan penjualan atau penyediaan produk atau perkhidmatan tertentu dengan produk atau perkhidmatan lain, atau menjalankan taktik membuli yang serupa.

Anda tidak boleh terlibat dalam amalan pasaran yang memperdaya atau tidak adil, sama ada bagi pihak UTC, bagi pihak anda, atau bagi pihak orang lain. Oleh itu, anda tidak dibenarkan membuat gambaran yang salah mengenai produk atau perkhidmatan UTC, produk atau perkhidmatan anda, atau produk atau perkhidmatan orang lain. Begitu juga, anda tidak sekali-sekali boleh

merendah-rendahkan pesaing UTC atau pesaing anda, atau produk dan perkhidmatan mereka.

Percanggahan Kepentingan

Anda hendaklah mengelakkan semua percanggahan kepentingan atau situasi yang seolah-olah percanggahan kepentingan dalam urusan anda dengan UTC. Anda hendaklah melaporkan kepada UTC sebarang kejadian yang melibatkan percanggahan yang nyata atau ketara antara kepentingan anda dan kepentingan UTC, seperti apabila salah seorang pekerja anda (atau seseorang yang rapat dengan pekerja anda) mempunyai hubungan peribadi dengan pekerja UTC yang boleh membuat keputusan yang memberi kesan kepada perniagaan anda, atau apabila pekerja UTC mempunyai hak milik atau kepentingan kewangan dalam perniagaan anda.

Pematuhan Perdagangan Antarabangsa

Anda hendaklah menjalankan perniagaan dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan yang mengawal (a) eksport, eksport semula dan pemindahan semula barangan, data teknikal, perisian dan perkhidmatan; (b) import barang-barang; (c) sekatan ekonomi dan embargo; dan (d) syarat-syarat antiboikot AS.

Perolehan Kerajaan

Anda hendaklah mengambil langkah khas untuk mematuhi peraturan unik dan khusus yang terpakai kepada kontrak dengan Kerajaan AS. Jika anda menyokong kontrak UTC dengan Kerajaan AS, anda mesti pada setiap masa mengikut peraturan Kerajaan AS untuk bersaing secara adil, mematuhi sekatan terhadap kakitangan kerajaan AS (contohnya, penerimaan hadiah dan pekerjaan), menyediakan produk dan perkhidmatan yang mematuhi spesifikasi, undang-undang dan peraturan, mematuhi syarat-syarat perakaunan dan harga kerajaan, membuat tuntutan kos yang dibenarkan sahaja, memastikan ketepatan data



Global Ethics & Compliance
One World. One Code.

yang dikemukakan dan mematuhi semua syarat Kerajaan AS yang lain.

Perlindungan Maklumat

Anda hendaklah menghormati hak milik dan hak harta intelek UTC dan orang lain yang sah. Anda hendaklah melindungi dengan sepatutnya maklumat-maklumat sensitif, termasuk maklumat sulit, proprietari dan peribadi. Anda tidak boleh menggunakan maklumat tersebut untuk apa-apa maksud selain daripada maksud perniagaan yang khusus, melainkan jika pemilik maklumat telah memberi kebenaran terlebih dahulu.

Ketepatan Rekod dan Penyerahan

Anda hendaklah menyimpan lejar dan rekod yang tepat dan lengkap menunjukkan urus niaga yang berkaitan dengan perniagaan UTC dan setiap penyerahan anda kepada UTC, pelanggannya, dan pihak berkuasa mestilah tepat dan lengkap. Anda tidak dibenarkan membuat apa-apa masukan ke dalam lejar dan rekod anda atau mengubah, menyembunyikan, atau memusnahkan apa-apa dokumen untuk memberi gambaran yang salah tentang sebarang fakta, keadaan, atau transaksi yang berkaitan dengan perniagaan UTC.

Larangan Diskriminasi

Anda hendaklah melayan pekerja dan rakan niaga anda sama ada yang sedia ada atau pada masa depan dengan adil, semata-mata berdasarkan merit dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan kepentingan perniagaan yang sah, dan tanpa mengira bangsa, agama, warna kulit, umur, jantina, identiti atau luahan jantina, orientasi seksual, negara asal, status perkahwinan, status veteran atau kecacatan.

Buruh Kanak-kanak

Anda hendaklah memastikan bahawa buruh kanak-kanak tidak digunakan dalam melaksanakan kerja anda,

sama ada berkaitan atau tidak dengan perniagaan UTC. Istilah "kanak-kanak" merujuk kepada sesiapa sahaja di bawah umur minimum mengikut undang-undang bekerja di tempat kerja tersebut dilakukan.

Penyeludupan Manusia

Anda hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang melarang penyeludupan manusia. Anda tidak boleh melibatkan diri dalam penggunaan buruh paksa, buruh terikat, buruh kontrak, buruh penjara paksa, perhambaan atau penyeludupan manusia.

Pelaporan Awanama & Melaporkan Salah Laku

Kami menjangka anda menyediakan kepada pekerja dan rakan-rakan perniagaan anda akses kepada saluran laporan yang mencukupi untuk membangkitkan isu-isu atau kebimbangan undang-undang atau etika, termasuk, tanpa had, laporan pelanggaran Kod ini oleh anda atau rakan perniagaan anda, tanpa rasa takut tindakan balas dendam, termasuk peluang untuk melaporkan secara awanama.

Sekiranya anda sedar ada salah laku yang berkaitan dengan perniagaan UTC yang dilaksanakan oleh mana-mana pekerja UTC, mana-mana pekerja anda, atau mana-mana pekerja rakan niaga perniagaan anda, kami menjangka anda untuk memberitahu dengan segera kepada UTC. Anda boleh menghubungi Pejabat Etika & Pematuhan Global UTC di bpo@corphq.utc.com, atau, jika anda lebih suka untuk menghubungi UTC secara awanama, anda boleh menggunakan program Ombudsman kami (butiran mengenai program Ombudsman boleh dicapai di tapak web berikut <http://www.utc.com/Our-Company/Ethics-And-Compliance/Pages/Ombudsman-DIALOG.aspx>).

Anda hendaklah menyiasat laporan mengenai isu atau masalah undang-undang atau etika dengan segera.



Global Ethics & Compliance
One World. One Code.

Program Etika & Pematuhan

Selaras dengan saiz dan sifat perniagaan anda, anda hendaklah mempunyai sistem, peralatan dan proses pengurusan yang dapat (a) memastikan pematuhan undang-undang, peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Kod ini; (b) menggalakkan kesedaran dan komitmen terhadap amalan perniagaan yang beretika, termasuk, tanpa had, jangkaan yang dinyatakan dalam Kod ini; (c) memudahkan penemuan, penyiasatan, pendedahan yang tepat pada masanya (kepada UTC dan orang lain, sebagaimana yang sesuai) dan pelaksanaan tindakan pembedahan bagi pelanggaran undang-undang, peraturan atau jangkaan yang dinyatakan dalam Kod ini; dan (d) menyediakan latihan kepada pekerja anda mengenai keperluan pematuhan, termasuk jangkaan yang dinyatakan dalam Kod ini.

Rakan Niaga Anda

Jika kontrak anda dengan UTC melarang anda daripada memberi, mewakili, atau membuat subkontrak kewajipan anda, kami menjangka anda sentiasa mematuhi larangan ini.

Jika kontrak anda dengan UTC membenarkan anda menetapkan, mewakili, atau membuat subkontrak tanggungjawab anda atau mendapatkan produk atau perkhidmatan daripada orang lain yang akan dimasukkan ke dalam produk atau perkhidmatan yang diperoleh oleh UTC daripada anda, kami menjangka anda memilih rakan kongsi perniagaan anda secara teliti, dan melaksanakan usaha wajar, audit, dan pengawasan untuk mencegah dan mengesan salah laku. Anda hendaklah menguatkuasakan prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam Kod ini kepada rakan-rakan niaga anda dan kami akan mempertanggungjawabkan anda untuk memastikan pematuhan rakan-rakan niaga anda.

Kod Pematuhan

Anda akan membenarkan UTC dan/atau wakil-wakilnya menilai pematuhan anda terhadap jangkaan yang dinyatakan dalam Kod ini dalam melaksanakan kerja-kerja untuk UTC, termasuk pemeriksaan di tapak terhadap kemudahan dan mengkaji lejar, rekod dan dokumentasi lain yang berkaitan. Anda juga hendaklah menyediakan maklumat dan pensijilan tambahan yang membuktikan pematuhan kepada UTC apabila diminta.

Anda hendaklah memastikan UTC diberi hak untuk menilai pematuhan rakan kongsi perniagaan anda dengan jangkaan yang dinyatakan dalam Kod ini dalam melaksanakan kerja-kerja untuk UTC, termasuk pemeriksaan kemudahan dan mengkaji lejar, rekod dan dokumentasi lain yang berkaitan di tapak. Anda hendaklah memastikan bahawa rakan kongsi perniagaan anda akan memberikan kepada UTC maklumat dan pensijilan tambahan yang membuktikan pematuhan apabila diminta.

Jika berlaku sebarang salah laku, anda akan memberikan kerjasama penuh terhadap apa-apa penyiasatan berkaitan yang dijalankan oleh UTC. Anda akan memastikan bahawa rakan kongsi perniagaan anda juga bekerjasama sepenuhnya jika penyiasatan tersebut melibatkan tindakan mereka.

Anda (dan rakan-rakan niaga anda) hendaklah membetulkan sebarang ketidakpatuhan yang dikenalpasti semasa penilaian. UTC tidak menanggung apa-apa kewajipan untuk memantau atau memastikan pematuhan Kod ini, dan anda mengaku dan bersetuju bahawa anda bertanggungjawab sepenuhnya atas pematuhan sepenuhnya Kod ini oleh pengarah, pegawai, pekerja, wakil dan rakan niaga anda.

Untuk soalan atau kebimbangan tentang Kod ini, termasuk penggunaannya dalam keadaan tertentu yang berkaitan dengan pelaksanaan kerja organisasi anda untuk UTC, atau kegagalan disyaki oleh organisasi anda untuk memenuhi jangkaan-jangkaan ini dalam



Global Ethics & Compliance
One World. One Code.

melaksanakan kerja untuk UTC, sila hubungi
Pejabat Etika & Pematuhan Global UTC di
eco@corphq.utc.com, atau, jika anda lebih suka
menghubungi UTC secara awanama, anda boleh
menggunakan program Ombudsman kami (butiran
mengenai program Ombudsman boleh dicapai di tapak
web berikut ***http://www.utc.com/Our-
Company/Ethics-And-Compliance/Pages/Ombudsman-
DIALOG.aspx***)

Soalan atau kebimbangan tentang Kod ini:
Pejabat Etika & Pematuhan Global UTC di
eco@corphq.utc.com atau hubungi UTC secara
awanama melalui program Ombudsman kami